

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 7/9/2013

Muka surat: 6

Tajuk : Kerajaan Sumbang RM10 Juta Bantu Unimas Beli Blok Baharu.

6

SABTU • 7 September 2013 • 1 Zulkaedah 1434H •

TEMPATAN

Utusan Sarawak

Kerajaan sumbang RM10 juta bantu Unimas beli blok baharu

FENNY SILONG

KOTA SAMARAHAN, Jumaat – Kerajaan Negeri menyumbang RM10 juta untuk membeli blok kolej kediaman baharu pelajar Universiti

Malaysia Sarawak (Unimas) iaitu Kolej Rafflesia yang keseluruhannya bernilai RM50 juta daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Naib Canselor Unimas, Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, pembelian 19 blok rumah

flat itu daripada pihak SPNB di kawasan Desa Ilmu mampu memuatkan 3,400 orang pelajar.

"Setakat ini, kapasiti kolej kediaman kita hanya mampu memuatkan 8,000 pelajar daripada jumlah keseluruhan sebanyak 15,600 orang.

Memang diakui kita menghadapi kekurangan kapasiti kolej kediaman. Oleh itu, setengah daripada pelajar kita tinggal di luar kampus," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis Ikrar Pelajar Ambilan September 2013/2014 universiti itu di sini, hari ini.

Tambah Kadim, sebuah lagi kolej kediaman baharu dibina di dalam kampus iaitu Kolej Dahlia yang mampu memuatkan 3,000 pelajar dengan kos sebanyak RM58 juta termasuk perabot.

"Jika diikutkan dengan polisi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pihak universiti dikehendaki menyediakan 70 peratus tempat kediaman daripada jumlah pengambilan pelajar. Namun begitu, kita

berharap mampu menyediakan sebanyak 90 peratus tempat penginapan dengan pembinaan dua kolej kediaman baharu tersebut bermula tahun hadapan.

Justeru, para pelajar boleh menduduki kolej kediaman Dahlia mulai bulan Februari tahun hadapan manakala kolej Rafflesia bermula bulan Julai pada tahun yang sama," jelasnya.

Katanya lagi, kemudahan pengangkutan disediakan kepada pelajar yang tinggal di luar kampus dan Unimas sedang giat melaksanakan pelbagai pembangunan proaktif dalam melahirkan modal insan berkualiti tinggi.

Dalam pada itu, beliau turut mengulas pihak Unimas belum ada sebarang perancangan untuk

memindahkan pelajar asasi universiti berkenaan yang belajar di kampus timur ke kampus induk.

"Kemudahan asas seperti perpustakaan untuk pelajar asasi di kampus timur mencukupi pada masa kini. Oleh itu, kita belum ada sebarang perancangan untuk memindahkan mereka ke kampus induk iaitu kampus timur," ujarnya.

Hadir sama, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Fatimah Abang, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Peter Songan dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Mohd Fadzil Abdul Rahman.